



## SIARAN AKHBAR

**MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI PUJA USIA KE-45  
DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA  
PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH**

**Masjid Rashidah Sa'datul Bolkiah, Kg Sungai Akar  
Hari Selasa, 14 Jamadilakhir 1440 bersamaan dengan 19 Februari 2019**

- 
1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar sempena Sambutan Hari Puja Usia Ke-45 Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD pada hari ini, 14 Jamadilakhir 1440 bersamaan dengan 19 Februari 2019.
  2. Hadir pada majlis ini ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain serta pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD.
  3. Majlis dimulakan dengan sembahyang Fardhu Asar berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yassin dan Doa Kesyukuran yang diketuai oleh Yang Mulia Haji Muhd Sadullah bin Haji Salleh, Imam Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah.
  4. Duli Yang Teramat Mulia merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah yang berwawasan dan berdedikasi tinggi dalam memastikan kestabilan kewangan dan monetari negara kekal terpelihara. Melalui kepimpinan Duli Yang Teramat Mulia, AMBD telah merumuskan peraturan-peraturan kewangan dan piawaian-piawaian yang berhemat serta melaksanakan rangka kerja penyeliaan yang selaras dengan piawaian antarabangsa demi memastikan institusi-institusi kewangan di negara ini kekal kukuh dan selamat.
  5. AMBD juga memainkan peranan yang penting dalam memajukan sektor kewangan di negara ini dan untuk menjadikannya dinamik dan mempunyai pelbagai jenis perkhidmatan. Ke arah ini, Duli Yang Teramat Mulia telah memandu perancangan kemajuan sektor kewangan yang lebih strategik dan

terarah melalui penerbitan *Brunei Darussalam Financial Sector Blueprint 2016 – 2025* demi mendukung pencapaian aspirasi ekonomi seiring dengan Wawasan Brunei 2035.

6. Berkat kepimpinan dan bimbingan Duli Yang Teramat Mulia jua, inisiatif-inisiatif yang telah diungkayahkan oleh AMBD telah berjaya memperolehi pengiktirafan antarabangsa. Di antaranya ialah Negara Brunei Darussalam telah berjaya menduduki tangga teratas di dunia berbanding 190 buah negara dalam petunjuk Mendapatkan Kredit (*Getting Credit indicator*) dalam Laporan Bank Dunia *Doing Business 2019* dan mengekalkan kedudukan di tempat 10 negara teratas dalam Laporan ICD-Thomson Reuters *Islamic Finance Development 2018* (ke 9 daripada 131 negara).

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh : 14 Jamadilakhir 1440 / 19 Februari 2019

Rujukan : AMBD/COMMS/3